



**ATURAN-ATURAN  
KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN  
BANK MUAMALAT (M) BERHAD**

**MODAL SYER**

**ATURAN MODAL SYER  
KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD  
(KOPUTRA)**

**SUSUNAN ATURAN MODAL SYER**

- 1. Nama**
- 2. Tafsiran**
- 3. Tujuan**
- 4. Modal Syer dan Kelayakan**
- 5. Pindahan syer**
- 6. Penebusan modal syer**
- 7. Pindaan Aturan**
- 8. Pemakaian**

- |    |   |                                 |
|----|---|---------------------------------|
| 1. | Aturan ini adalah dinamakan "Aturan Modal Syer" KOPUTRA.  | <b>Nama</b>                     |
| 2. | <p>Melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maksudnya di dalam aturan ini maka :-</p> <p>"Akta" ertinya Akta Koperasi 1993;</p> <p>"Aturan" ertinya Aturan Modal Syer KOPUTRA dan sebarang pindaan dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;</p> <p>"ALK" ertinya Anggota Lembaga KOPUTRA.</p> <p>"MAPT" ertinya Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.</p> <p>"UUK" ertinya Undang-undang Kecil KOPUTRA.</p>   | <b>Tafsiran</b>                 |
| 3. | <p>(a) Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 55 KOPUTRA dan berkuatkuasa selepas persetujuan MAPT dan Suruhajaya.</p> <p>(b) Tujuan aturan-aturan ini diwujudkan adalah untuk pemilikan Modal Syer mengikut perenggan 50 (b) Akta Koperasi 1993 dan perkara 55 UUK.</p>   | <b>Tujuan</b>                   |
| 4. | <p>(a) Bagi maksud perenggan 50 (b) Akta dan perkara 55 UUK setiap anggota hendaklah melanggan satu (1) syer bersamaan RM500.00 (ringgit Malaysia lima ratus) sebagai sumbangan minimum yang hendaklah dijelaskan dalam tempoh lima belas (15) bulan dan tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan itu tamat.</p> <p>(b) Setiap tambahan syer mestilah dalam gandaan RM100.00 (ringgit Malaysia satu ratus) dan jumlahnya adalah tertakluk kepada kelulusan ALK.</p> <p>(c) Pemilikan syer seseorang anggota dalam modal KOPUTRA ini tidaklah boleh melebihi satu perlima (1/5) daripada jumlah keseluruhan syer anggota-anggota pada bila-bila masa.</p> <p>(d) Anggota KOPUTRA sahaja yang layak untuk membeli syer daripada KOPUTRA.</p> | <b>Modal Syer dan kelayakan</b> |

(e) Syer seseorang anggota yang mati akan diuruskan mengikut undang-undang kecil 58.

5. Seseorang anggota boleh memindahkan kepada anggota-anggota lain syer-syernya yang melebihi sumbangan minimum di bawah undang-undang kecil 58 (1) dengan menandatangani borang pemindahan syer dan didaftarkan oleh KOPUTRA.

Pindahan syer

6. (a) Jika seseorang anggota tamat keanggotaannya oleh apa-apa sebab jua pun dan pemindahan tidak dapat dibuat menurut UUK 59, maka syer-syer yang diperihalkan di dalam UUK itu bolehlah ditebus oleh KOPUTRA tertakluk kepada aturan 6 (b) ini.

Penebusan syer

(b) Syer-syer boleh ditebus hanya dari Kumpulan Wang Penebusan Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada Peraturan. Nilai tebusan syer-syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi KOPUTRA itu akan tetapi tidaklah boleh melebihi nilai asalnya.

(c) Syer-syer yang ditebus di bawah aturan 6 (a) bolehlah, jika diluluskan oleh MAPT, diterbitkan semula sebagai syer bonus.

7. Sebarang perubahan dan pindaan perlu dibawa dan dibentangkan dalam MAPT untuk kelulusan dan ianya perlu dimaklumkan kepada anggota melalui resolusi pekeliling anggota.

Pindaan Aturan

8. Aturan ini adalah tertakluk dan hendaklah dibaca bersekali dengan UUK KOPUTRA dan Akta.

Pemakaian

Diakui aturan ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPUTRA Kali Ke 29 pada 9 Mei 2015.

  
.....  
Pengerusi

  
.....  
Setiausaha

  
.....  
Bendahari